

20 APR 2002

Rais-Sumbang Mahram

SEBAT PESALAH KES SUMBANG: CADANGAN PM BELUM DIPUTUSKAN

KUALA KLAWANG, 20 April (Bernama) -- Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Rais Yatim berkata cadangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya pesalah kes sumbang mahram disebat di hadapan khalayak ramai belum diputuskan.

"Tetapi jawatankuasa saya telah mengambil perhatian dan pertimbangan khusus mengenai cadangan Perdana Menteri itu dan saya perlu menegaskan bahawa apa-apa yang telah dilahirkan oleh orang ramai, kita akan terjemahkan dalam undang-undang ini.

"Dan pindaannya, jawatankuasa penyelarasan undang-undang dengan kerjasama Jabatan Peguam Negara akan mengemukakan kepada kabinet secepat mungkin," katanya kepada pemberita di sini, malam tadi.

Beliau diminta mengulas laporan akhbar Isnin lepas mengenai cadangan Perdana Menteri yang bersetuju supaya hukuman lebih berat dilaksanakan terhadap pesalah kes sumbang mahram kerana jenayah itu dianggap sebagai amat keji.

Perdana Menteri juga mahu melihat pesalah berkenaan disebat di hadapan khalayak ramai supaya dapat menimbulkan kesedaran dan keinsafan kepada masyarakat terhadap jenayah berat itu.

Dr Rais berkata pada masa ini tidak banyak debat yang perlu dipertimbangkan mengenai hukuman merotan di khalayak ramai itu.

Ini (merotan di hadapan khalayak ramai) belum pernah dilakukan dan ia terpaksa diputuskan oleh kerajaan sebelum dijadikan undang-undang dan cadangan untuk pindaan di Dewan Rakyat," katanya.

Terdahulu, Dr Rais dan isteri Datin Masnah Muhamat menghadiri persembahan kesenian Fakulti Bahasa Sastera dan Seni Universiti Negeri Padang, Sumatera Barat, Indonesia di Dewan Besar Majlis Daerah Jelebu di sini.

Turut hadir Undang Luak Jelebu, Datuk Mendika Menteri Akhirulzaman Datuk Musa Wahab dan isteri Tok Puan Manoriah Ahmad.

Dalam ucapannya, Dr Rais berharap persembahan kesenian itu akan membangkitkan keinginan dan kecintaan masyarakat negeri ini untuk mendalami adat dan kesenian budaya Minang.

Seramai 26 mahasiswa dan mahasiswi fakulti itu mengadakan persembahan nyanyian dan tarian dengan diiringi kumpulan muzik tradisional. Rombongan universiti itu diketuai Prof Atar Semi.

-- BERNAMA

RP NAK